

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI

TARIKH: 19 MAC 2015

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah majikan sudah dikenakan tindakan undang-undang setakat ini akibat kegagalan mematuhi peraturan berkaitan gaji minimum kepada pekerja mereka. Jika tindakan kompaun diambil, berapa jumlah kutipan diperolehi.

PR-1331-L65627

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, jumlah aktiviti penguatkuasaan gaji minimum adalah seperti berikut:

- (i) setakat 31 Disember 2014, jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah

sebanyak 40,191 dan daripada jumlah tersebut didapati 551 (1 peratus) majikan tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.

- (ii) manakala jumlah tuntutan kes buruh sehingga 31 Januari 2015 berkaitan gaji minimum yang telah difailkan adalah sebanyak 1,201 kes dan daripada jumlah tersebut sebanyak 276 (23 peratus) telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan 925 (77 peratus) masih dalam tindakan pegawai.
- (iii) jumlah aduan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum setakat 31 Januari 2015 pula adalah sebanyak 1,796 dan daripada jumlah ini sebanyak 1,071 (90 peratus) telah selesai disiasat dan baki 176 (10 peratus) masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja.
- (iv) berkenaan dengan tindakan pendakwaan sehingga 31 Januari 2015, sebanyak 177 kertas pendakwaan telah dibuka dan daripada jumlah ini 109 (62 peratus) telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU, KSM). Jumlah kompaun yang telah dikenakan setakat RM144,800.00.
- (v) jumlah kes pertikaian perusahaan yang melibatkan gaji minimum sehingga 31 Januari 2015 adalah sebanyak 49 kes dan telah melibatkan 6,793 pekerja. Daripada jumlah ini, sebanyak 17 (35 peratus) kes telah diselesaikan melalui

rundingan damai, 27 (55 peratus) kes telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan dan 5 (10 peratus) kes masih dalam tindakan Jabatan Perhubungan Perusahaan.